

AKHBAR : SINAR HARIAN

Bimbang jejas ekonomi Selangor

SHAH ALAM - Pendedahan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ) berhubung skandal 1MDB yang berterusan dikhawatir akan terus menjejaskan pertumbuhan ekonomi Selangor.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kerajaan negeri bersyukur Selangor terus meraih keyakinan pelabur walau pun Malaysia mengalami kererosotan keyakinan.

"Malaysia sebagai sebuah eko-

“Ia tambah menyuramkan ekonomi domestik dengan pendedahan DOJ berhubung skandal 1MDB yang berterusan.” - Azmin

nomi terbuka mungkin terkesan dengan dampak pasca Brexit. Ia tambah menyuramkan ekonomi domestik dengan pendedahan DOJ berhubung skandal 1MDB yang berterusan.

"Tapi Selangor terus raih ke-

yakinan pelabur dari dalam dan luar negara kerana kerajaan negeri berpegang prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pentadbiran," katanya.

Katanya, ia dapat dibuktikan dengan Laporan Mida 2015 yang melaporkan kejayaan Selangor.

"Selangor mencatatkan kedudukan di tangga kedua dalam pelaburan sektor perkhidmatan dengan nilai pelaburan RM2.36 bilion dan tempat ketiga dalam pelaburan sektor pembuatan dengan jumlah pelaburan bernilai

RM7.96 bilion," katanya.

Dalam masa sama, kerajaan negeri katanya, turut menyasarkan jumlah pelaburan sebanyak RM6 bilion menjelang akhir tahun dan menggesa industri kecil dan sederhana (SME) merebut peluang.

"Saya menggesa SME ambil peluang tersebut untuk meningkatkan pelaburan dan teknologi dalam melaksanakan modenisasi terhadap operasi bagi meningkatkan produktiviti," katanya di sini, semalam.